

باب الصلاة في البيعة وقال عمر رضي الله عنهم إنا لا ندخل كنائسكم من أجل التماثيل التي فيها الصور وكان ابن عباس يصلي في البيعة الإيعة فيها تماثيل

27- Bab Bersembahyang Di Dalam Gereja.⁶¹³ Umar R.A Berkata: "Kami Tidak Mahu Masuk Ke Dalam Gereja-Gereja Kamu Kerana Adanya Patung-Patung (Berhala-Berhala) Itu Di Dalamnya."⁶¹⁴ Ibnu 'Abbaas Bersembahyang Di Dalam Gereja Kecuali Gereja Yang Terdapat Di Dalamnya Patung-Patung (Berhala-Berhala).⁶¹⁵

⁶¹³ Perkataan البيعة biasanya diterjemahkan dengan biara. Biara di dalam bahasa Melayu biasanya dipakai untuk rumah ibadat orang-orang Yahudi. Tetapi penulis menterjemahkannya dengan gereja di sini iaitu rumah ibadat orang-orang Kristian, memandangkan itulah yang dikehendaki Bukhari r.a. Di dalam bahasa Arab perkataan البيعة seringkali dipakai dengan ma'na gereja iaitu rumah ibadat orang-orang Kristian. Sebab itulah al-Jauhari berkata: الكنيسة والبيعة للنصارى Bermaksud: Kanisah dan bi'ah ialah rumah ibadat orang-orang Kristian.

⁶¹⁴ Di dalam riwayat al-Ashili, sebelum perkataan الصور ada و iaitu العطف . Perkataan الصور dalam keadaan ini menjadi ma'thuf kepada perkataan التماثيل . Maka berdasarkan riwayat al-Ashili itu terjemahannya akan berbeza sedikit daripada terjemahan yang diberikan di atas. Terjemahannya ialah seperti berikut: 'Umar R.A Berkata: "Kami Tidak Mahu Masuk Ke Dalam Gereja-Gereja Kamu Kerana Adanya Patung-Patung (Berhala-Berhala) Dan Gambar-Gambar Itu Di Dalamnya."

⁶¹⁵ Para ulama berbeza pendapat tentang bersembahyang di dalam gereja, biara atau rumah-rumah ibadat orang-orang kafir yang lain. Imam Ahmad dalam salah satu riwayat daripadanya berpendapat harus secara mutlak, sama ada terdapat di dalamnya patung-patung atau berhala-berhala atau tidak. Antara tokoh yang mengharuskan bersembahyang di dalam gereja secara mutlak ialah Abu Musa al-Asy'ari, 'Umar bin 'Abdul 'Aziz, as-Sya'bi, 'Athaa' bin Abi Rabaah, Ibnu Sirin, Ibrahim an-Nakha'i, Al-Auzaa'i dan lain-lain. 'Ulama'-ulama' Hanafiyyah, Syafi'iyah dan Ahmad dalam satu riwayat yang lain daripadanya berpendapat makruh secara mutlak. Imam Bukhari dan Imam Malik berpendapat makruh jika di dalamnya ada berhala atau patung dan harus tanpa makruh jika ia kosong daripadanya. Ini juga salah satu pendapat Ahmad. Bukhari mengemukakan atsar 'Umar dan Ibnu 'Abbaas r.a untuk membuktikan kebenaran pendapatnya. Kerana mereka berdua adalah antara tokoh yang sependapat dengan beliau dalam masalah ini. Atsar 'Umar yang mu'allaq itu diwashalkan oleh 'Abdur Razzaaq di dalam Mushannafnya. Atsar itu selengkapnya adalah seperti berikut:

عبد الرزاق عن معمر عن أيوب عن نافع عن أسلم أن عمر حين قدم الشام صنع له رجل من النصارى طعاماً وقال لعمر إني أحب أن تجيئني وتكرمني أنت وأصحابك وهو رجل من عظماء النصارى فقال عمر إنا لا ندخل كنائسكم من أجل الصور التي فيها يعني التماثيل

Bermaksud: 'Abdur Razzaaq meriwayatkan daripada ma'mar, (dia meriwayatkan) daripada Ayyub, (dia meriwayatkan) daripada Naafi', (dia pula meriwayatkan) daripada Aslam, (katanya): "Bahawa ketika 'Umar datang ke Syam ada seorang lelaki Kristian telah menyediakan jamuan makan utknya." Dia berkata kepada 'Umar: "Sudilah kiranya engkau dan para sahabatmu menerima jemputanku." Orang itu ialah salah seorang pembesar orang-orang Kristian. Jawab 'Umar: "Kami tidak mahu masuk ke dalam gereja-gereja kamu kerana adanya patung-patung itu." Maksud beliau (dengan katanya 'patung-patung itu') ialah berhala-berhala itu. Atsar Ibnu 'Abbaas itu pula diwashalkan oleh al-Baghawi di dalam al-Ja'diyyaatnya dan Ibnu Abi Syaibah di dalam Mushannafnya. Apakah Perbezaan di antara bab ini dengan bab-24 yang lalu? Kenapakah di dalam bab-24 yang lalu imam Bukhari mempertahankan hukum keharusan bersembahyang di hadapan sesuatu yang disembah oleh orang-orang kafir tanpa makruh, sedangkan di dalam bab ini pula beliau sependapat dengan imam Malik dalam memakruhkan sembahyang di dalam gereja yang ada patung-patung atau berhala-berhala? Di dalam bab-24 dahulu penulis telah pun menjelaskan perbezaannya iaitu sembahyang dengan menghadap sesuatu yang tidak khusus sebagai sembahyan

٤١٦ - حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ سَلَامٍ قَالَ أَخْبَرَنَا عَبْدُهُ عَنْ هِشَامِ بْنِ عُرْوَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَائِشَةَ أَنَّ أُمَّ سَلَمَةَ ذَكَرَتْ لِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَنِيسَةً رَأَتْهَا بِأَرْضِ الْحَبَشَةِ يُقَالُ لَهَا مَارِيَّةٌ فَذَكَرَتْ لَهُ مَا رَأَتْ فِيهَا مِنَ الصُّورِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أُولَئِكَ قَوْمٌ إِذَا مَاتَ فِيهِمُ الْعَبْدُ الصَّالِحُ أَوْ الرَّجُلُ الصَّالِحُ بَنَوْا عَلَى قَبْرِهِ مَسْجِدًا وَصَوَّرُوا فِيهِ تِلْكَ الصُّورَ أُولَئِكَ شِرَارُ الْخَلْقِ عِنْدَ اللَّهِ

416- Muhammad bin Salam meriwayatkan kepada kami, katanya: `Abdah meriwayatkan kepada kami daripada Hisyam bin `Urwah daripada ayahnya daripada `Aaisyah bahawa Ummu Salamah menyebutkan kepada Rasulullah s.a.w. sebuah gereja yang pernah dilihatnya di bumi (negeri) Habsyah. Gereja itu dipanggil (gereja) Mariah. Ummu Salamah menyebutkan patung-patung yang pernah dilihatnya di dalam gereja itu. Maka Rasulullah s.a.w. bersabda: “Itulah orang-orang yang apabila orang baik (saleh) di kalangan mereka mati, mereka membina di atas kuburnya masjid dan membuat patung-patung (seperti) itu di dalamnya. Merekalah seburuk-buruk manusia di sisi Allah.”

باب

28- Bab⁶¹⁶

sesuatu yang khusus sebagai sembah. Kebanyakan pensyarah Sahih Bukhari termasuk Hafiz Ibnu Hajar dan Hafiz al-Aini berpendapat perbezaannya terletak pada ada dan tiadanya pilihan atau ikhtiar. Seseorang masih boleh memilih sama ada mahu bersembahyang di dalam gereja yang ada di dalamnya berhala-berhala atau bersembahyang di tempat-tempat lain di luar gereja.

⁶¹⁶ Ini ialah bab tanpa tajuk. Ia biasanya dianggap sebagai fasal bagi bab sebelumnya kerana sedikit sebanyak mempunyai perkaitan dan kesamaan dengannya. Perkaitan dan persamaan dengan bab sebelumnya ialah daripada segi adanya ancaman kerana menjadikan kubur sebagai masjid atau tempat ibadat. Imam Bukhari seolah-olahnya mahu menegaskan bahawa perbuatan membina tempat ibadat di atas kubur dengan nama apa sekalipun adalah keji dan tercela sama ada terdapat gambar-gambar atau patung-patung orang-orang yang dipuja di dalamnya atau tidak. Menurut Syeikhul Hind Maulana Mahmudul Hasan, seringkali Bukhari mengadakan bab tanpa tajuk untuk menguji para pembaca kitab Sahihnya ini dan untuk mengasah fikiran mereka. Tujuan beliau mengosongkan bab daripada tajuk ialah supaya para pembaca sendiri membuat tajuk yang sesuai untuknya berpandukan hadits-hadits yang dikemukakan di bawahnya. Apa agaknya tajuk yang sesuai untuk hadits-hadits itu? Tajuk yang sesuai untuknya mungkin باب الصلاة في معبد اليهود (Bab Bersembahyang Di Rumah Ibadat Orang-Orang Yahudi) atau باب الصلاة في البيوت (Bab Bersembahyang Di Biara Yahudi) dan sebagainya. Tajuk-tajuk seperti ini agak sesuai menandakan tajuk yang dibuat Bukhari sebelum ini khusus untuk gereja orang-orang Kristian. Padahal orang-orang Yahudi juga melakukan perkara yang sama. Mereka juga membina rumah-rumah ibadat di atas kubur nabi-nabi a.s. seperti yang dapat anda lihat di dalam dua hadits di bawah bab tanpa tajuk ini.

٤١٧ - حَدَّثَنَا أَبُو الْيَمَانِ قَالَ أَخْبَرَنَا شُعَيْبٌ عَنِ الزُّهْرِيِّ أَخْبَرَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُتْبَةَ أَنَّ عَائِشَةَ وَعَبْدَ اللَّهِ بْنُ عَبَّاسٍ قَالَا لَمَّا نَزَلَ بِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ طَفِقَ يَطْرَحُ خَمِيصَةً لَهُ عَلَى وَجْهِهِ فَإِذَا اغْتَمَّ بِهَا كَشَفَهَا عَنْ وَجْهِهِ فَقَالَ وَهُوَ كَذَلِكَ لَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الْيَهُودِ وَالنَّصَارَى اتَّخَذُوا قُبُورَ أَنْبِيَائِهِمْ مَسَاجِدَ يُحْذَرُ مَا صَنَعُوا

417- Abu al-Yaman meriwayatkan kepada kami, katanya: Syu'aib meriwayatkan kepada kami daripada az-Zuhri (katanya): Ubaidullah bin 'Abdillah bin 'Utbah meriwayatkan kepadaku bahawa 'Aaisyah dan 'Abdullah bin 'Abbaas menceritakan: "Tidak lama sebelum Rasulullah s.a.w. wafat,⁶¹⁷ pernah Baginda menudung mukanya dengan kain selimutnya. Apabila terasa panas, Baginda membukanya lalu bersabda: "La'nat Allah ke atas Yahudi dan Nashara! Mereka telah menjadikan kubur para nabi mereka sebagai masjid (tempat ibadat)."⁶¹⁸ Baginda mengingatkan umatnya agar tidak melakukan apa yang telah dilakukan oleh mereka itu.⁶¹⁹

⁶¹⁷ Boleh juga لَمَّا نَزَلَ بِرَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ diterjemahkan dengan "Ketika sakit yang membawa kepada kewafatan rasulullah s.a.w. ..."

⁶¹⁸ Hadits ini mungkin menimbulkan kemusykilan di dalam fikiran setengah-setengah orang, bahawa kenapakah Rasulullah s.a.w. menyebutkan la'nat Allah ke atas Yahudi dan Nashara di dalamnya? Memanglah boleh diterima kalau dikatakan orang-orang Yahudi telah menjadikan kubur para nabi mereka sebagai masjid (tempat ibadat). Kerana mereka memang mempunyai ramai nabi. Tetapi orang-orang Nashara, bukankah mereka tidak mempunyai nabi selain nabi 'Isa? Di antara nabi 'Isa dan nabi kita pula tidak ada nabi yang lain selainnya. Bukankah nabi 'Isa belum mati dan belum dikebumikan? Bagaimana pula orang-orang Nashara akan menjadikan kubur para nabi mereka sebagai masjid (tempat ibadat)? Beberapa jawapan telah diberikan oleh para 'ulama' untuk menyelesaikan kemusykilan ini. Antaranya ialah: (1) Tidak benar jika dikatakan Nashara tidak mempunyai nabi selain nabi 'Isa. Sebetulnya mereka juga mempunyai ramai nabi tetapi nabi sahaja bukan rasul. Seperti hawari-hawari (pengikut-pengikut setia) nabi 'Isa dan Maryam ibu 'Isa sendiri mengikut Ibnu Hazam dan golongan 'ulama' yang sependapat dengannya. (2) Yang dimaksudkan dengan nabi-nabi itu ialah nabi-nabi dari kalangan Bani Isra'il yang juga dipercayai oleh orang-orang Kristian. (3) Orang-orang Kristian memang tidak dapat membina tempat ibadat di atas kubur nabi dan rasul mereka sendiri, tetapi mereka telah dapat membuat tempat ibadat di atas kubur-kubur para pengikut setia rasulnya yang besar-besar. Oleh kerana pengikut-pengikut setia nabi 'Isa itu benar-benar mengikut ajaran nabi 'Isa dan nabi-nabi yang lain sebelumnya mereka disebutkan sebagai nabi-nabi. Sebenarnya mereka bukanlah nabi, mereka hanyalah orang-orang saleh dari kalangan umat nabi 'Isa. Kerana itulah nabi s.a.w. di dalam setengah-setengah haditsnya menyebutkan perkataan الرَّجُلُ الصَّالِحُ atau الْعَبْدُ الصَّالِحُ (orang saleh) di tempat perkataan para nabi, seperti dapat anda lihat di dalam hadits no:416 atau Baginda s.a.w. menggandingkan perkataan صَالِحِيهِمْ (orang-orang saleh dari kalangan mereka) dengan perkataan أَنْبِيَائِهِمْ seperti yang terdapat di dalam hadits Muslim, Nasaa'i dan lain-lain. (4) Yang dimaksudkan dengan para nabi mereka ialah para nabi yang juga diperintahkan supaya diimani seperti Nuh, Ibrahim dan lain-lain.

⁶¹⁹ Ini adalah kata-kata salah seorg perawi bukan kata-kata nabi s.a.w. Ia merupakan sesuatu yang mudraj (yang dimasukkan ke dalam hadits nabi s.a.w.) di dalam hadits ini.

٤١٨ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْلَمَةَ عَنْ مَالِكٍ عَنْ ابْنِ شِهَابٍ عَنْ سَعِيدِ بْنِ الْمُسَيَّبِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ قَاتَلَ اللَّهُ الْيَهُودَ اتَّخَذُوا قُبُورَ أَنْبِيَائِهِمْ مَسَاجِدَ

418- `Abdullah bin Maslamah meriwayatkan kepada kami daripada Malik daripada Ibni Syihab daripada Sa'id bin al-Musayyab daripada Abi Hurairah, bahawa Nabi s.a.w. bersabda: "Allah mela'nat orang-orang Yahudi. Mereka menjadikan kubur para nabi mereka sebagai masjid (tempat ibadat)."

بَابُ قَوْلِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ جَعَلْتُ لِيَ الْأَرْضَ مَسْجِدًا وَطَهُورًا

29- Bab Sabda Nabi S.A.W.: "Bumi Ini Dijadikan Untukku Sebagai Masjid (Tempat Sembahyang) Dan Sebagai Bahan Untuk Bersuci."⁶²⁰

٤١٩ - حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ سِنَانٍ قَالَ حَدَّثَنَا هُشَيْمٌ قَالَ حَدَّثَنَا سَيَّارٌ هُوَ أَبُو الْحَكَمِ قَالَ حَدَّثَنَا يَزِيدُ الْفَقِيرُ قَالَ حَدَّثَنَا جَابِرُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أُعْطِيتُ خَمْسًا لَمْ يُعْطَهُنَّ أَحَدٌ مِنَ الْأَنْبِيَاءِ قَبْلِي نُصِرْتُ بِالرُّعْبِ مَسِيرَةَ شَهْرٍ وَجُعِلَتْ لِيَ الْأَرْضُ مَسْجِدًا وَطَهُورًا وَإِنَّمَا رَجُلٌ مِنْ أُمَّتِي أَدْرَكَتْهُ الصَّلَاةُ فَلْيُصَلِّ وَأُحِلَّتْ لِيَ الْغَنَائِمُ وَكَانَ النَّبِيُّ يُعْتَرُ إِلَى قَوْمِهِ خَاصَّةً وَبُعِثْتُ إِلَى النَّاسِ كَافَّةً وَأُعْطِيتُ الشَّفَاعَةَ

⁶²⁰ Imam Bukhari memulakan perbincangan tentang masjid dalam ertinya yang umum bermula daripada bab kedua puluh dua iaitu "22- Bab Bersembahyang Di Kandang Kambing" dan menyudahkannya dengan bab ini. Bagi beliau hadits di bawah bab inilah sepatutnya dijadikan asas dan pegangan apabila kita berhadapan dengan persoalan bersembahyang di luar masjid yang khusus. Pada dasarnya umat Islam diharuskan bersembahyang di mana-mana bahagian muka bumi ini dengan dua syarat, iaitu: (1) Ia bersih daripada najis. (2) Tidak ada padanya sesuatu yang boleh menjerumuskan orang yang bersembahyang ke lembah kesyirikan. Dua tempat ini saja akan menyebabkan sembahyang seseorang tidak sah. Adapun bersembahyang di tempat-tempat yang dikatakan sarang syaitan atau di tempat-tempat yang dilarang oleh Rasulullah s.a.w. di dalam hadits-hadits lain, maka bukanlah ia sampai membatalkan sembahyang seseorang semata-mata kerana tempat itu sendiri. Yang menyebabkan sembahyang tidak sah dilakukan di situ ialah kerana adanya sesuatu yang lain. Hukum bersembahyang di tempat-tempat seperti ini tidak sampai ke peringkat haram. Ia sama ada makruh atau harus sahaja. As-Sindi berkata: "Bumi ini semua sekali pada dasarnya merupakan tempat yang dibolehkan kita bersembahyang. Kecuali kalau ada dalil yang menunjukkan makruh atau tidak sah bersembahyang di sesuatu tempat, maka hukum itu hendaklah dihadkan setakat yang ditunjuki dalil itu sahaja." Syeikhul hadits Maulana Zakariya berpendapat, maksud Bukhari mengadakan bab ini ialah untuk menyatakan semua larangan bersembahyang ditempat-tempat tertentu yang dikemukakan oleh Bukhari melalui beberapa bab yang lalu adalah larangan khilaf al-aula sahaja. Ibnu Batthaal berkata: "Bab ini menunjukkan semua larangan yang disebutkan pada bab-bab yang lalu bukan sebagai larangan haram. Kerana pada asalnya sembahyang diharuskan di semua bahagian bumi ini apabila ia dijadikan sebagai masjid (tempat sembahyang) untuk nabi s.a.w. Maka termasuklah di dalam umum itu gereja-gereja, perkuburan, kandang unta dan selainnya jika ia bersih. Ini merupakan salah satu keistimewaan yang diberikan kepada nabi kita s.a.w. Bagaimanapun seseorang tidak sepatutnya memilih tempat-tempat itu kecuali ketika perlu sahaja. Itulah tentunya yang lebih baik untuk sembahyangnya dan lebih menenangkan hatinya." Demikian juga kata Hafiz Ibnu Hajar dan Hafiz al- Aini.

419- Muhammad bin Sinan meriwayatkan kepada kami, katanya: Husyaim meriwayatkan kepada kami, katanya: Sayyaar iaitu Abu al-Hakam meriwayatkan kepada kami, katanya: Yazid al-Faqir meriwayatkan kepada kami, katanya: Jabir bin `Abdillah meriwayatkan kepada kami, katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda: “Diberikan kepadaku lima perkara yang tidak pernah diberikan kepada seorang pun nabi sebelumku. (Pertama) Aku diberi pertolongan dengan kegerunan musuh terhadapku pada jarak kejauhan sebulan perjalanan. (Kedua) Bumi ini telah dijadikan untukku sebagai masjid (tempat bersembahyang) dan sebagai bahan untuk bersuci. Oleh itu sesiapa sahaja dari kalangan umatku, hendaklah bersembahyang apabila telah masuk waktunya (biar di mana sekalipun dia berada).⁶²¹ (Ketiga) Dihalalkan untukku (dan umatku) harta ghanimah (rampasan perang). (Keempat) Seseorang nabi itu diutuskan untuk kaumnya sahaja, tetapi aku diutuskan untuk manusia seluruhnya.⁶²² Dan (kelima) Diberikan kepadaku syafa`at (kuasa untuk menolong orang lain pada hari kiamat nanti).”⁶²³

⁶²¹ Bagaimanakah perintah Rasulullah s.a.w. ini akan dilaksanakan jika seluruh muka bumi ini tidak boleh dijadikan tempat sembahyang? Itulah sebabnya baginda s.a.w. terlebih dahulu bersabda: Bumi ini telah dijadikan untukku sebagai masjid (tempat bersembahyang).

⁶²² Sabda nabi s.a.w. ini bertepatan dengan firman Allah di dalam ayat-ayat berikut:

قُلْ يَتَايَهَاتُ النَّاسُ إِنِّي رَسُولُ اللَّهِ إِلَيْكُمْ جَمِيعًا الَّذِي لَهُ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ يُحْيِي وَيُمِيتُ فَآمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ آلَافِي الَّذِي يَوْمُنُ بِاللَّهِ وَكَالِمَتِهِ وَاتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٥٨﴾

Bermaksud: Katakanlah (wahai Muhammad): “Wahai manusia! Sesungguhnya aku adalah utusan Allah kepadamu semua, (di utus oleh Allah) yang menguasai langit dan bumi, tiada Tuhan (yang berhak disembah) melainkan Dia, yang menghidupkan dan mematikan. Maka berimanlah kamu kepada Allah dan RasulNya, Nabi yang Umami yang beriman kepada Allah dan Kalimah-kalimahNya (Kitab-kitabNya) dan ikutilah dia, supaya kamu beroleh hidayah petunjuk.” (Al-A`raaf: 158).

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا كَافَّةً لِّلنَّاسِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا وَلَٰكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٢٨﴾

Bermaksud: dan tiadalah Kami mengutusmu (wahai Muhammad), melainkan untuk umat manusia seluruhnya sebagai pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman) dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar), akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (hakikat itu). (Saba': 28).

⁶²³ Syafa`at yang diberikan kepada Rasulullah s.a.w. ini adalah suatu maqam (kedudukan) yang sangat istimewa. Di dalam al-Qur'an ia disebutkan sebagai maqam mahmud. Lihatlah ayat al-Israa' di bawah ini bersama terjemahannya:

وَمِنَ اللَّيْلِ فَسَجَّدْ بِهِ نَافِلَةً لَّكَ عَسَىٰ أَن يَبْعَثَكَ رَبُّكَ مَقَامًا مَّحْمُودًا ﴿٧٩﴾

Bermaksud: dan pada sebahagian dari waktu malam, bersembahyang tahajudlah kamu sebagai suatu ibadah tambahan bagimu; Sudah tentu Tuhanmu akan mengangkatmu ke maqam yang terpuji. (Al-Israa': 79).

30- Bab Tidur Orang Perempuan Di Dalam Masjid.⁶²⁴

⁶²⁴ Kebanyakan pensyarah Sahih Bukhari berpendapat, tujuan Imam Bukhari mengadakan bab ini dan bab selepasnya ialah untuk menyatakan keharusan orang-orang perempuan dan orang-orang lelaki tidur di dalam masjid. Bukan sekadar itu sahaja, malah dalam keadaan-keadaan tertentu mereka juga boleh menjadikan masjid sebagai kediaman untuk beberapa lama. Menurut Syah Waliyyullah, "Maksud Imam Bukhari ialah menyatakan keharusan orang-orang perempuan tidur dan menetap di dalam masjid untuk beberapa lama, walaupun ada kemungkinan mereka datang haidh semasa itu. Cuma mengikut mazhab Hanafi perempuan yang berada di dalam masjid perlu keluar daripadanya apabila datang bulan." Sebelum membincangkan secara terperinci ijtiha Imam Bukhari, elok kiranya dikemukakan terlebih dahulu perbezaan pendapat 'ulama' dan perincian mazahib mereka mengenai masalah ini. Menurut Malik, orang-orang perempuan walaupun sudah tua tidak harus secara mutlaq (sama sekali) tidur di dalam masjid, sama ada mereka sedang berhaidh atau tidak. Alasannya ialah keberadaan mereka dalam keadaan itu boleh menimbulkan fitnah. Abu Hanifah, Syafi'e, Ahmad dan jumhur 'ulama' pula berpendapat harus dalam keadaan tidak berhaidh tetapi khilaf al-aula (tidak lebih baik). Dalam keadaan berhaidh, mereka juga berpendapat tidak harus. Daud az-Zahiri, al-Muzani dan Ibnu Hazam berpendapat harus secara mutlaq sama ada dalam keadaan berhaidh atau tidak. Imam Bukhari dalam masalah ini sependapat dengan mereka. Antara tokoh hadits semasa yang berpendapat harus seperti pendapat Bukhari itu ialah as-Syeikh al-Muhaddits Muhammad Naashiruddin al-Albaani dan anak-anak buahnya seperti Syeikh Abu Ishaq al-Juwaini dan lain-lain. **Pada pendapat penulis** Imam Bukhari sebenarnya mahu pergi lebih jauh lagi dari itu melalui bab ini. Sekurang-kurangnya enam perkara mahu beliau sentuh menerusi tajuk bab ini dan juga hadits yang dikemukakan di bawahnya, iaitu: (1) Sememangnya terdapat khilaf 'ulama' tentang keharusan orang perempuan tidur di dalam masjid dan berada di dalamnya untuk satu jangka masa yang agak lama sebagai tempat tinggalnya. Masing-masing pihak yang berbeza pendapat itu pula mempunyai hujah yang agak kuat dan perlu dihormati. Kerana itulah Bukhari mengemukakan bab ini tanpa menyatakan apa-apa hukum sama ada ia harus ataupun tidak. (2) Melalui hadits yang dikemukakan di bawah bab di atas, Bukhari menyatakan pendapatnya berhubung dengan masalah ini. Bagi beliau ia adalah harus sama ada dalam keadaan berhaidh atau tidak. (3) Oleh kerana keraguan tentang keharusan perempuan tidur dan berada lama di dalam masjid lebih kuat daripada lelaki, Bukhari mendahulukan bab tidur orang perempuan di dalam masjid daripada bab tidur orang-orang lelaki di dalam masjid. Tujuannya ialah untuk menyatakan pendapatnya bahawa orang-orang perempuanlah lebih patut diberikan keutamaan dalam soal perlindungan dan sebaik-baik perlindungan untuk mereka ialah di masjid, sekiranya suasana masjid itu baik dan terpelihara seperti masjid Nabi s.a.w. di zaman Baginda s.a.w. sendiri. (4) Oleh kerana kenyataan dan fakta sejarah di zaman Rasulullah s.a.w. dan di zaman-zaman kemudian menunjukkan orang-orang lelaki lebih ramai tidur dan bermukim di dalam masjid berbanding wanita, Imam Bukhari menggunakan perkataan المرأة (bentuk mufrad) bukan النساء (bentuk jama') di dalam tajuk bab tidur orang perempuan di dalam masjid. Berbeza dengan bab tidur orang-orang lelaki di dalam masjid, kerana beliau menggunakan di situ kata jama'nya iaitu الرجال bukan kata mufradnya iaitu الرجل. (5) Antara alasan pihak 'ulama' yang tidak mengharuskan perempuan tidur atau tinggal di dalam masjid ialah: i- Adanya kemungkinan terdedah 'aurat mereka di hadapan orang-orang lelaki yang selalu berulang-alik ke masjid. ii- Kemungkinan timbul fitnah terhadap lelaki dengan keberadaan mereka di masjid dalam satu jangka masa yang lama. iii- Keberadaan mereka di dalam masjid mendedahkannya kepada kekotoran darah haidh. Ia adalah sesuatu yang tidak sepatutnya berlaku. Pengharaman memasuki masjid ke atas perempuan berhaidh, apa lagi menetap di dalamnya merupakan satu langkah yang perlu untuk memelihara kebersihannya. iv- Perempuan-perempuan yang masih berhaidh, mungkin akan kedatangan haidh pada tarikh-tarikh tertentu atau pada bila-bila masa. Perkara keempat inilah sebenarnya merupakan perkara pokok yang tidak membolehkan orang perempuan menetap agak lama di dalam masjid pada pandangan mereka. Justeru terdapat beberapa hadits yang tidak membenarkan perempuan-perempuan berhaidh berada di dalam masjid. Bagi Bukhari semua alasan yang dikemukakan itu tidak kukuh dan tidak semestinya berlaku. Bagaimana dalam keadaan tidak ada fitnah, seperti yang berlaku di zaman Rasulullah s.a.w. kepada perempuan yang tersebut di dalam hadits di bawah tajuk bab di atas? Bagaimana dalam keadaan 'aurat seseorang perempuan terpelihara, misalnya kerana ia berada di dalam khemah khusus di suatu ruangan yang agak jauh daripada lelaki